

15 MAR 2001

Mahathir-Pergaduhan

PEMBANGKANG HASUT RAKYAT MISKIN UNTUK PROTES

KUALA LIPIS, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pembangkang kini menumpukan perhatian kepada golongan rakyat miskin dengan menghasut mereka supaya membuat protes terhadap kerajaan.

Hasutan itu dilakukan agar rakyat memprotes kononnya kerajaan yang ada sekarang tidak mempedulikan nasib orang miskin, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota jawatankuasa Umno Bahagian Lipis dan Raub di sini.

"Kita lihat sekarang ini bagaimana dia tumpu ke tempat-tempat setingan dan dia cuba tunjuk simpati kepada orang-orang ini dengan pergi ke hospital untuk kononnya melihat orang sakit dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata tindakan seperti itu akan dibuat jika ia mendatangkan faedah politik kepada parti pembangkang tanpa adanya perasaan kemanusiaan atau keperihatinan terhadap nasib orang lain.

"Mereka sekarang begitu galak sekali nak tunjukkan simpati kononnya kepada orang miskin.... orang miskin banyak," katanya.

Mengenai khabar angin yang timbul berikutan pergaduhan antara dua kumpulan penduduk di Jalan Klang Lama, dekat Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata khabar angin itu dibuat oleh pihak tertentu yang tidak berapa diketahui latar belakangnya.

Katanya, golongan itu sengaja membesar-besarkan cerita kononnya beratus-ratus orang Melayu telah dibunuh supaya orang Melayu naik marah.

"Saya tak tahu mungkin juga di kalangan orang India juga ada cerita yang sama. Dengan ini mereka berharap rusuhan ini akan berterusan dan kita tahu bahawa rusuhan ini kalau berterusan seperti yang berlaku di sebuah negara lain, ada kemungkinan kerajaan dijatuhkan.... ini memangpun hasrat politik parti lawan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata kerajaan meminta rakyat supaya tidak menyebarkan khabar angin memandangkan ia dibuat dengan mempunyai tujuan-tujuan tertentu.

Katanya, perbuatan menyebarkan fitnah kononnya angka kematian berikutan kejadian itu melebihi enam orang menunjukkan pereka cerita itu bukan sahaja mendapat maklumat yang tidak betul, malahan mencipta sendiri maklumat yang disebarkannya.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kedudukan Datuk Seri Osu Sukam sebagai Ketua Menteri Sabah mengikut sistem penggilirian jawatan itu.

Beliau berkata tidak ada tarikh yang tetap untuk Osu menamatkan perkhidmatannya itu.

Walaupun Ketua Menteri Sabah memegang jawatan bagi tempoh dua tahun, kerajaan tidak menyatakan bila tempoh akhirnya yang sebenar, katanya.

Apabila ditanya tentang pengganti Osu, Dr Mahathir berkata proses itu memakan sedikit masa.

Osu, 52, diangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah kesembilan pada 15 Mac 1999 selepas Barisan Nasional memenangi 31 daripada 48 kerusi dalam pilihan raya negeri itu.

Semasa ditanya mengenai laporan akhbar tentang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikatakan telah membeli saham-saham terbitan awam Time Dot Com yang tidak dilangani orang awam, beliau berkata sehingga kini beliau belum menerima maklumat mengenai perkara itu.

"Saya fikir EPF (KWSP) bijak, bukanlah dia bodoh sangat. Kalau EPF ni bodoh, kita tak akan memiliki satu EPF yang terbesar sekali dalam dunia... RM180 bilion. Kalau dia bodoh, dia tak ada duit macam ini," kata Dr

Mahathir.
-- BERNAMA
ROS NMO